

Nama: .....

Tingkatan:.....

**JABATAN PELAJARAN MELAKA**

3767/2  
Ekonomi  
Kertas 2  
September  
2020  
2 ¼ jam

**UJIAN DIAGNOSTIK 2 SPM TAHUN 2020**

**EKONOMI**

**Kertas 2**

**Masa: 2 jam 15 minit**

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian:  
*Bahagian A dan Bahagian B*
2. Jawab semua soalan di Bahagian A dan dua soalan daripada Bahagian B
3. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas peperiksaan ini
4. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan
5. Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan-jawapan yang baharu
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik

<i>Untuk kegunaan Pemeriksa</i>			
<b>Bahagian</b>	<b>No soalan</b>	<b>Markah Penuh</b>	<b>Markah diperoleh</b>
<b>A</b>	1	20	
	2	20	
	3	20	
<b>B</b>	4	20	
	5	20	
	6	20	
	7	20	
<b>JUMLAH</b>			

**Kertas peperiksaan ini mengandungi 13 halaman bercetak**

SOALAN 1

- a) Gambar 1 dan Gambar 2 menunjukkan **dua** faktor pengeluaran yang digunakan dalam pengeluaran.



Gambar 1

Terangkan tiga perbezaan antara faktor pengeluaran di dalam Gambar 1.

[ 6 markah ]

.....

.....

.....

.....

.....


.....

- b) Jadual di bawah menunjukkan kuantiti permintaan dan kuantiti penawaran suatu barang di pasaran.

Harga	Kuantiti barang (unit)	
	Permintaan pasaran	Penawaran pasaran
10	200	40
30	120	120
50	40	200

- i) Lukiskan keluk keseimbangan pasaran di atas kertas graf yang disediakan

[ 4 markah ]



- ii) Jika kerajaan menarik semula subsidi kepada pengeluar ia memberi kesan kepada penawaran.  
Lakarkan keluk penawaran yang baharu di atas rajah yang sama dan labelkan keluk itu sebagai S1S1. [ 2 markah ]

c) Maklumat berikut berkaitan dengan sistem ekonomi sesebuah negara.

*Pembuat pilihan terdiri daripada isi rumah, firma dan kerajaan.*

*Kerajaan berperanan mengeluarkan barang awam dan barang sosial.*

i) Tentukan sistem ekonomi tersebut [ 1 markah ]

.....

ii) Nyatakan TIGA tujuan kerajaan campurtangan dalam ekonomi tersebut [ 3 markah ]

.....

.....

.....

.....

.....

d) Berikut adalah kos pengeluaran bagi firma Asma Enterprise.

Jumlah Output	100 unit
Jumlah Kos	RM 1200
Kos Berubah	RM 500

Hitungkan,

i) Kos Tetap

.....

.....

.....



ii) Kos Purata

.....

.....

[ 4 markah ]

SOALAN 2



a) Berdasarkan sektor-sektor ekonomi yang ditunjukkan dalam gambar di atas, jelaskan kepentingannya kepada ekonomi negara?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[ 4 markah ]

b) Terangkan tiga jenis pinjaman yang ditawarkan oleh bank perdagangan

.....

.....

.....

.....

.....

[ 6 markah ]

c) Maklumat di bawah berkaitan dengan pendapatan dan perbelanjaan Encik Kamarul pada bulan April.

Gaji bulanan	RM3 800
Komisen diterima	RM1 300
Potongan cukai pendapatan	RM80
Bayaran zakat	RM90
Bayaran bil air dan elektrik	RM230

Hitung pendapatan boleh guna Encik Kamarul pada bulan tersebut. [ 4 markah ]

.....

.....

.....

.....

.....

d) Gambar di bawah menunjukkan kemudahan infrastruktur lebuhraya di Malaysia.



i) Takrifkan faedah sosial. [ 2 markah ]

.....

.....

ii) Jelaskan kos sosial yang akan ditanggung akibat daripada kemudahan di atas. [ 4 markah ]

.....

.....

.....

.....

SOALAN 3

a) Nyatakan EMPAT tujuan kerajaan Malaysia melaksanakan sekatan perdagangan antarabangsa [ 4 markah ]

.....

.....

.....

.....

.....

b) i) Apakah maksud globalisasi? [ 2 markah ]

.....

.....

.....

ii)

*Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan merupakan akta untuk mengawal harga barangan dan caj bagi perkhidmatan dan melarang pencatutan. Akta ini mula dikuatkuasa pada 2011.*

Berdasarkan petikan di atas bezakan antara dasar harga maksimum dan dasar harga minimum.

[ 4 markah ]

.....

.....

.....

.....

.....

c) Jadual berikut menunjukkan kadar inflasi di Malaysia tahun 2008 hingga 2012.

<b>Tahun</b>	<b>Kadar inflasi (%)</b>
2008	5.4
2009	0.6
2010	2.1
2011	3.2
2012	1.9

**Sumber : Ubahsuai Perangkaan Negara**

i) Berdasarkan kadar inflasi pada tahun 2011, apakah punca berlakunya inflasi tersebut?

.....

[ 1 markah ]



ii) Terangkan kesan inflasi terhadap masyarakat.

[ 4 markah ]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

d) Maklumat berikut berkaitan dengan analisis unjuran ekonomi Malaysia .

**COVID-19 : Malaysia sukar elak kemelesetan ekonomi**

Ahli Ekonomi OCBC Bank, Wellion Wiranto, berkata pihaknya melihat terdapat kemungkinan ekonomi Malaysia berdepan pertumbuhan negatif meskipun dengan bantuan pakej rangsangan. Beliau berkata, pihaknya membuat semakan semula unjuran kadar pertumbuhan bagi 2020 kepada sekitar antara -2.5 % sehingga 1.5% berikutan pengucupan ketara dalam permintaan domestik dan eksport yang lemah.

Jelaskan kesan pandemik covid-19 terhadap pertumbuhan ekonomi negara.

[ 5 markah ]

.....

.....

.....

.....

.....

## BAHAGIAN B

[40 markah]

[Jawab *dua* soalan sahaja pada bahagian ini]

### SOALAN 4

Maklumat di bawah berkaitan dengan sumber ekonomi

Umar merupakan graduan cemerlang dalam jurusan yang berkaitan dengan pertanian. Ayahnya ialah seorang usahawan tani. Ayahnya berhasrat supaya Umar meneruskan kerjayanya dalam bidang pertanian moden. Pada masa yang sama, Umar telah mendapat tawaran kerja sebagai pegawai pertanian di agensi kerajaan.

(a) Umar ingin membuat pilihan. Bantu Umar dalam menyelesaikan situasi ini. Berikan alasan terhadap pemilihan anda.

[5 markah]

(b) Peranan kerajaan dalam pertumbuhan bidang pertanian membolehkan rakyat menikmati taraf hidup yang lebih baik. Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan ini? Huraikan.

[8 markah]

(c) Dengan menggunakan gambar rajah, jelaskan kesan pemberian subsidi terhadap pasaran beras di Malaysia.

[7 markah]

## SOALAN 5

Syarikat JASSA Sdn Bhd mempunyai modal berbayar sebanyak RM 5 juta. Berikut adalah produk yang dikeluarkan oleh syarikat ini yang beroperasi di kawasan perindustrian Kelemak.

Tepung gandum jenama 'Suria'
<ul style="list-style-type: none"><li>• Bijirin gandum diimport dari negara India</li><li>• Menggunakan mesin berteknologi tinggi dalam proses pengeluaran tepung</li><li>• Tepung adalah jenis berprotein tinggi</li><li>• Pekerja buruh seramai 50 orang</li><li>• Harga sekilogram tepung ialah RM 2.80</li></ul>

Jadual berikut menunjukkan prestasi jualan tepung berdasarkan harga yang ditawarkan.

Harga Jualan sekilogram (RM)	Kuantiti jualan (kg)
RM 2.60	10,100 kg
RM 2.80	10,000 kg
RM 3.00	9900 kg

a) Jelaskan keanjalan harga permintaan bagi tepung jenama 'Suria'.

[ 4 markah ]

b) Adakah anda bersetuju tindakan syarikat ini menaikkan harga tepung untuk meningkatkan jumlah hasil. Berikan alasan anda dengan bantuan rajah dan pengiraan hasil.

[ 7 markah ]

c)

BPN (Bantuan Prihatin Nasional) telah diberikan kepada rakyat . Kerajaan juga telah memberi bantuan Pakej Prihatin PKS dalam membantu perusahaan kecil dan sederhana agar operasi perniagaan ini dapat dijalankan selepas tempoh PKP berakhir. Seterusnya perusahaan dapat mengekalkan pengambilan pekerja
--

Berikan pandangan anda kesan kedua-dua pakej ini kepada pengguna dan pengeluar.

[ 9 markah ]

## SOALAN 6



- a) Bincangkan kesan terhadap kehidupan seharian pengguna apabila berlaku keadaan ekonomi di atas. [9 markah]
- b) Bagaimanakah alat dasar kewangan digunakan untuk mengawal deflasi [7 markah]
- c) Bagaimanakah berlakunya inflasi tarikan permintaan? [4 markah]

## SOALAN 7

Maklumat berikut berkaitan dengan perbelanjaan kerajaan.

Kerajaan melaksanakan pemberian bonus sebulan gaji kepada penjawat awam.

- (a) Jelaskan jenis perbelanjaan kerajaan tersebut. [ 4 markah ]
- (b) Selain alat dasar ekonomi tersebut, jelaskan tindakan kerajaan yang lain untuk mengatasi keadaan ekonomi tersebut. [ 7 markah ]
- (c) Berdasarkan gambar rajah yang sesuai, jelaskan kesan tindakan tersebut terhadap pasaran barang. [ 9 markah ]

**KERTAS SOALAN TAMAT**